

**IDEA UKM • IDEA UKM**

Rujukan : UKM.IDE.100-1/3/1  
Tarikh : 1 September 2022

**PEKELILING PUSAT IDEA BIL. 2/2022**

**DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UNIVERSITI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat IDEA (IDEA-UKM) telah menyediakan Garis Panduan Pengiktirafan Projek Penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Perubahan Universiti untuk memastikan perlaksanaan pengiktirafan projek penyelidikan yang mempunyai nilai gegar gamat oleh penyelidik UKM dapat diuruskan dengan lebih baik dan berkualiti. Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi Bil.3/2022 pada 18 Ogos 2022.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita bersama-sama ini disampaikan Garis Panduan berkenaan untuk makluman dan kegunaan/rujukan pihak PTJ. Dokumen garis panduan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang IDEA-UKM, <http://www.ukm.my/ideaukm/muat-turun/>. Garis Panduan ini menerangkan mengenai perancangan dan strategi untuk memperkasakan penyelidikan translasi universiti selaras dengan agenda penyelidikan dan naratif baharu UKM yang menyumbang kepada penarafan MyRA® dan penarafan di peringkat antarabangsa.
4. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada Sekretariat Penyelidikan di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai Encik Mohd Syukri Ismail di talian 03-8911 8265 atau Puan Nor Eloni Nor Azmi di talian 03-8911 8263.

Salam hormat dan terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DR. JAMIA AZDINA JAMAL**

Pengarah  
Pusat IDEA UKM  
/berlampir

s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM

**IDEA UKM**

Aras 2, Kompleks Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor  
Tel.: +603-8911 8264 Faks: +603-8911 8266 E-mel: idea@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ideaukm